



## **KENYATAAN AKHBAR – 3hb Oktober 2011**

### **LIMA 11, kembali menggegarkan Langkawi Disember ini!**

Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi ke-11 yang bakal berlangsung dari 6hb – 10hb Disember 2011 ini menjanjikan pendekatan baru yang lebih mampan untuk meningkatkan daya saing pameran ini serta menjadikan pameran LIMA sebuah pameran Maritim dan Aeroangkasa yang berprestij di rantau ini. Dipacu oleh keyakinan yang jitu terhadap pertumbuhan ekonomi sektor penerbangan komersil, perbelanjaan pertahanan serantau dan pembangunan lapangan terbang di rantau ASEAN dan Asia, pendekatan baru LIMA pada tahun ini dijangka akan terus mengukuhkan reputasi LIMA sebagai pusat perhimpunan pertahanan serantau yang unggul. Buat pertama kalinya, LIMA 11 akan memperkenalkan dengan secara agresif sektor tumpuan baru iaitu sektor perdagangan, penerbangan komersil dan sektor pengurusan lapangan terbang.

Menurut laporan dan kajiselidik industri serantau, ASEAN dijangkakan akan membelanjakan lebih USD330 bilion untuk pembelian pesawat komersil yang baru dalam 2 dekad akan datang, manakala perbelanjaan pertahanan laut di rantau ini pula dijangkakan akan mencecah nilai perbelanjaan melebihi USD 174 bilion dalam tempoh yang sama.

Menurut Ahmad Dzuhrri Abdul Wahab, Pengarah Urusan HW Exhibitions Sdn Bhd, penganjur acara LIMA '11, "Penyertaan di LIMA akan meletakkan syarikat yang menyertai pameran ini di pusat pasaran yang mempunyai kadar pertumbuhan pasaran tertinggi di dunia. Sasaran kami adalah untuk mewujudkan pameran yang menarik yang menyediakan peluang perniagaan terbaik untuk memahami pasaran, mempromosikan produk, meningkatkan kesedaran syarikat dan produk, membina kesetiaan jenama dan akhirnya meningkatkan pulangan pelaburan yang tinggi untuk para peserta pameran kami. "

Sebagai tuan rumah kepada syarikat penerbangan komersil Malaysia Airlines, iaitu penerima pelbagai anugerah bagi kategori penerbangan tambang penuh dan tuan rumah kepada syarikat penerbangan tambang rendah terbaik di dunia iaitu Air Asia. Penganjur akan bekerjasama rapat dengan kedua-dua syarikat penerbangan terkemuka, Kementerian Pengangkutan, pihak berkuasa dan agensi penguatkuasaan serantau untuk membawa lebih ramai pelanggan komersil ke LIMA'11, dan berazam untuk mencatat penambahan kepada jumlah delegasi pertahanan yang sedia ada ke LIMA 11. Sebanyak 108 syarikat penerbangan yang beroperasi di rantau ASEAN telah dijemput untuk menjayakan acara yang diadakan dua tahun sekali ini.

Kami sangat teruja untuk masa depan LIMA lebih-lebih lagi dengan sokongan yang diterima daripada kerajaan dan industri pertahanan negara yang memberikan sokongan padu untuk menjadikan edisi LIMA pada kali ini adalah edisi yang terbaik daripada edisi-edisi sebelumnya. Hasil daripada usaha ini telah mula menampakkan hasilnya dengan hampir 20% daripada penyertaan pameran kali ini adalah terdiri daripada syarikat-syarikat baru daripada sektor maritim dan aeroangkasa manakala sektor komersil

menjadi sektor majoriti dalam edisi LIMA pada kali ini. Melebihi 85% ruang pameran di Dewan Mahsuri telahpun ditempah oleh para peserta edisi kali ini. Kami telah menandatangani penyertaan 386 syarikat, mewakili 33 negara dan dalam masa beberapa bulan terakhir ini, kami akan berusaha untuk memastikan ruang pameran kami dipenuhi 100% lantas menjadikan LIMA 11' adalah edisi terbaik LIMA, tambah Ahmad Dzuhri.

Antara pembuat pesawat dan pembinaan kapal yang terkemuka yang telahpun mengesahkan penyertaan mereka di LIMA adalah Airbus, Boeing, Dassault, Gulfstream, Embraer, SAAB, Sukhoi, Eurocopter, AgustaWestland, Sikorsky, Helikopter Bell, Fincantieri, Daewoo Shipbuilding, Navantia, DamenShipyards, Blohm dan Voss, Lurssen, Goa Shipyards dan DCNS. Sebanyak 42 buah pesawat dan 30 buah kapal setakat ini telah mengesahkan kehadiran mereka untuk LIMA 11.

Antara acara kemuncak adalah yang diaturkan adalah persembahan aerobatik udara dan statik daripada pesawat- pesawat Gulfstream G45 Business Jet, Bombardier, CessnaCaravan, A400M, Su 30MKM, F / A-18D, F-18 Super Hornet, MiG-29N, Super Lynx, AugustaA109 Mi 17 S & R Helikopter, Eurofighter Typhoon, AH6i Boeing dan banyak lagi.

LIMA 2009 yang diadakan dua tahun lepas telah berjaya menarik hampir 400 buah syarikat pertahanan terkemuka yang mewakili 60 buah Negara, 38,000 orang pelawat perdagangan, 400 orang wartawan perdagangan dan 210 orang delegasi industri pertahanan antarabangsa. LIMA disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pertahanan dengan penyertaan dan sokongan daripada pelbagai kementerian dan agensi-agensi kerajaan lain. Dengan 85% ruang ditempah, LIMA 11 'akan mengegarkan Langkawi sekali lagi dan memberikan impak yang lebih hebat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi.

**Prem Kumar Nair**

Ketua, Komunikasi Korporat di talian 019-3236355 ([prem@hwlima.org](mailto:prem@hwlima.org)) atau lawati laman web rasmi LIMA 11' [www.lima.com.my](http://www.lima.com.my)